

ASUMALIFE TABLET

Ketotifen (1mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Asumalife
2. Bagaimana Asumalife berfungsi
3. Sebelum menggunakan Asumalife
4. Cara menggunakan Asumalife
5. Semasa menggunakan Asumalife
6. Kesan-kesan sampingan
7. Penyimpanan dan pelupusan Asumalife
8. Maklumat lanjut produk
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Asumalife

Asumalife digunakan untuk mencegah serangan asma dan melegakan simptom alahan seperti hidung berair atau gatal, kulit gatal atau ruam, geligata (urtikaria), serta rasa gatal secara umum.

Bagaimana Asumalife berfungsi

Asumalife mengandungi bahan aktif *ketotifen*, iaitu sejenis agen antihistamin yang membantu mengurangkan reaksi alahan dan mencegah serangan asma dengan mengurangkan pelepasan histamin dalam badan.

Sebelum menggunakan Asumalife

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil ubat ini jika:

- anda alah kepada ketotifen atau mana-mana bahan lain yang terdapat dalam ubat ini (seperti yang disenaraikan dalam Maklumat Lanjut Produk).

- Sebelum menggunakannya

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda alah terhadap sebarang ubat ataupun menghadapi sebarang masalah kesihatan lain.

Kehamilan dan penyusuan

Sila berunding dengan doktor atau ahli farmasi jika anda sedang hamil, merancang untuk hamil, atau menyusukan bayi sebelum menggunakan sebarang ubat.

Asumalife hanya boleh digunakan semasa kehamilan jika doktor anda berpendapat bahawa faedahnya melebihi risikonya terhadap bayi. Tidak diketahui sama ada ubat ini dikeluarkan ke dalam susu ibu, oleh itu ibu yang menyusukan bayi hanya

boleh mengambilnya jika benar-benar perlu dan atas nasihat serta preskripsi doktor.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasar raya atau kedai produk kesihatan.

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil:

- ubat yang boleh menyebabkan mengantuk atau rasa lesu
- ubat antidiabetik (untuk merawat kencing manis)

Cara menggunakan Asumalife

- Berapa banyak harus digunakan

Dos untuk dewasa dan kanak-kanak yang berumur 2 tahun ke atas: 1 tablet (1 mg) diambil dua kali sehari. Untuk beberapa hari pertama, doktor anda mungkin akan memulakan rawatan dengan dos yang lebih rendah bagi mengurangkan rasa mengantuk, kemudian secara beransur-ansur meningkatkan kepada dos penuh.

Kanak-kanak berumur bawah 2 tahun tidak boleh mengambil ubat ini.

Sentiasa ikut arahan doktor anda dan jangan hentikan atau ubah dos tanpa nasihat doktor.

- Bila perlu digunakan

Ambil sekali pada waktu pagi dan sekali pada waktu petang, sebaiknya bersama makanan

- Berapa lama perlu digunakan

Ambil Asumalife untuk tempoh yang disarankan oleh doktor anda. Apabila ingin menghentikan penggunaan, dos hendaklah dikurangkan secara beransur-ansur dalam tempoh satu minggu mengikut arahan doktor atau ahli farmasi bagi mengelakkan berulangnya simptom asma.

Apabila anda telah menggunakan Asumalife selama 6 hingga 12 minggu, doktor anda akan menentukan sama ada

ubat asma lain yang anda ambil boleh dikurangkan secara beransur-ansur.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa satu dos dan anda mengambil ubat ini secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Jika mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesai. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Simptom-simptom terlebih dos:

- rasa mengantuk yang teruk
- kekeliruan dan disorientasi
- kadar dengupan jantung yang lebih cepat daripada biasa
- tekanan darah rendah.
- sawan, terutamanya di kalangan kanak-kanak
- tidak sedarkan diri (sementara)

Semasa menggunakan Asumalife

- Perkara yang perlu dilakukan

Guna ubat anda mengikut arahan doctor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Asumalife.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Asumalife kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan pengambilan alkohol semasa mengambil Asumalife.

Memandu dan mengendalikan mesin

Ubat ini mungkin menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan mesin. Jika ubat ini menyebabkan anda berasa mengantuk atau kurang berjaga, terutamanya pada peringkat awal pengambilan, jangan memandu atau menggunakan mesin dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Asumalife boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Asumalife mungkin akan menyebabkan kesan mengantuk, mulut kering, pening, peningkatan selera makan dan berat badan. Ia juga akan menyebabkan kegelisahan/hiperaktif di kalangan kanak-kanak. Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang lain.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web nppra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Asumalife

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan keadaan lembap. Simpan dalam bekas kedap udara

- Pelupusan

Asumalife perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Ubat-ubatan tidak harus

dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar..

Maklumat lanjut produk

- Rupa dan warna produk

Tablet berwarna putih dengan skor pada satu permukaan dan 'YS' pada permukaan lain.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
 - Ketotifen Fumarate
- Bahan tidak aktif
 - Microcrystalline Cellulose
 - Lactose
 - Magnesium Stearate

- Nombor MAL:

MAL19987983AZ

Pengilang

Y.S.P. INDUSTRIES (M) SDN. BHD.
Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru
Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P. INDUSTRIES (M) SDN. BHD.
Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru
Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

20/11/2025

Nombor Siri

NPRA(R4/1)281025/00073